

Pilihan raya kecil Punggol East 26 Jan

*Hari Penamaan Calon Rabu,
 16 Januari*

Oleh **AZAHAR MOHD**
 azahar@sph.com.sg

PERDANA Menteri, Encik Lee Hsien Loong, memutuskan akan mengadakan pilihan raya kecil di Punggol East bagi memberi peluang kepada para penduduk memilih Anggota Parlimen (AP) yang baru, sebelum pemerintah memberi fokus kembali kepada isu-isu nasional yang perlu ditangani.

Dalam satu kenyataan semalam, Encik Lee berkata beliau telah meminta Presiden Tony Tan Keng Yam supaya mengeluarkan writ dan penduduk Punggol East akan keluar mengundi pada Sabtu, 26 Januari ini.

Pengumuman Perdana Menteri itu dianggap mengejutkan, begitu juga dengan kemunculan pakar bedah kolorektum, Dr Koh Poh Koon, yang membantu Menteri Negara, Encik Teo Ser Luck malam kelmarin, hingga menhangatkan spekulasi bahawa Dr Koh akan dipilih sebagai calon Parti Tindakan Rakyat (PAP).

Awal dari itu Perdana Menteri berkata selepas peletakan jawatan Encik Michael Palmer, keutamaannya ialah memastikan kebijakan penduduk Punggol East terus terjaga.

Dalam kenyataannya semalam, Perdana Menteri menjelaskan:

"Kita mempunyai agenda nasional yang sibuk tahun ini.

"Kertas Penduduk mengenai Penduduk akan dibataskan di Parlimen. Belanjawan 2013 juga sudah hampir.

"Perbincangan Singapura Kita kini sedang merangkumkan pandangan rakyat menjadi pelbagai program bagi memperbaiki kehidupan mereka.

"Memastikan daya tahan pertumbuhan ekonomi dan meningkatkan pendapatan pekerja merupakan usaha berterusan, terutama dalam ekonomi global yang lemah.

"Saya memutuskan akan mengadakan pilihan raya kecil di Punggol East bagi memberi peluang kepada penduduk memilih Anggota Parlimen mereka di Parlimen, sebelum kita membincangkan kembali isu-isu nasional.

"Saya berharap penduduk Punggol East dapat memilih calon terbaik bagi mewakili mereka di Parlimen, menyelesaikan masalah dan memperbaiki hidup mereka."

Kawasan undi perseorangan (SMC) Punggol East menjadi kosong selepas Encik Michael Palmer mengumumkan peletakan jawatan sebagai Speaker dan Anggota Parlimen kawasan undi itu.

Hari Penamaan Calon ialah Rabu, 16 Januari ini.

Pilihan raya kecil akan berlangsung selepas tempoh berkempen selama sembilan hari dan Hari Bertenang sehari sebelum hari mengundi.

Tempat yang ditetapkan bagi pencalonan adalah di Sekolah Menengah North Vista, Rivervale Link.

▶ Laporan lain 4

Kenyataan semalam menyatakan borang pencalonan boleh didapati daripada pejabat Pegawai Pilihan Raya di Jabatan Pilihan Raya di Prinsep Link pada waktu pejabat sehingga hari penamaan calon.

Wang deposit yang perlu dibayar oleh setiap calon ialah \$14,500.

Selain daripada borang pencalonan dan Sijil Kelayakan, setiap calon perlu mendapatkan Sijil Derma Politik yang dikeluarkan oleh Pendaftar Derma Politik.

Sejauh ini, sekurang-kurangnya empat calon daripada parti pembangkang telah melahirkan hasrat untuk bertanding – menjadikan pilihan raya kecil ini antara yang paling sengit.

Parti Pekerja (WP) dan Perikatan Demokratik Singapura (SDA) yang bertanding dalam pilihan raya umum 2011 berkata mereka akan bertanding.

PAP memenangi kerusi itu dengan 54.54 peratus undi.

Calon WP, Cik Lee Li Lian, meraih 41.01 peratus undi sementara Encik Desmond Lim daripada SDA hilang deposit selepas hanya meraih 4.45 peratus undi.

Parti pembangkang yang melahirkan minat untuk bertanding termasuk Parti Pembaharuan (RP), Parti Demokratik Singapura (SDP) dan mantan calon Parti Rakyat Singapura (SPP), Encik Benjamin Pwee.

Kedua-dua RP dan SDP telah mengadakan lawatan ke Punggol East baru-baru ini.

SDP berkata mereka akan me-



BAKAL CALON PAP?: Kehadiran Dr Koh Poh Koon (*berdiri*) yang membantu Menteri Negara, Encik Teo Ser Luck (*kanan*), sewaktu sesi bertemu penduduk di Punggol East malam kelmarin menhangatkan spekulasi bahawa Dr Koh akan dinamakan sebagai calon Parti Tindakan Rakyat (PAP). – Foto THE STRAITS TIMES

BERI PELUANG PENDUDUK PILIH AP BARU

Saya memutuskan akan mengadakan pilihan raya kecil di Punggol East bagi memberi peluang kepada penduduk memilih Anggota Parlimen mereka di Parlimen, sebelum kita membincangkan kembali isu-isu nasional. Saya berharap penduduk Punggol East dapat memilih calon terbaik bagi mewakili mereka di Parlimen, menyelesaikan masalah dan memperbaiki hidup mereka.

– Perdana Menteri Lee Hsien Loong

milih salah satu daripada tiga calon – bendahari parti, Encik Vincent Wijesingha; pakar psikiatri, Dr Ang Yong Guan; dan Dr Paul Tambyah, konsultan kanan penyakit berjangkit, walaupun sumber parti berkata calon pilihan mereka ialah Dr Wijesingha.

Seorang pengamat politik yang juga profesor undang-undang di Universiti Pengurusan Singapura (SMU), Encik Eugene Tan, yang dihubungi berkata keputusan Perdana Menteri mengadakan pilihan raya kecil lebih awal adalah mengejutkan tetapi akan diterima baik oleh para penduduk.

"Pilihan raya kecil lebih awal dijangka memberi kelebihan kepada PAP lebih-lebih lagi sekiranya terdapat pertandingan tiga, empat atau lima penjujur di Punggol East kerana undi pembangkang akan terbahagi," jelasnya lagi.